

B/H 14/2/14 MS 14

Oleh Mohd Hamizar
Hamid, Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi, Syalikha
Sazili dan Nazwin Nazri
bhnews@bh.com.my

► Kuala Kubu Bharu

Paras air tiga empangan yang menjadi sumber utama bekalan penduduk Lembah Klang dan Negeri Sembilan, merosot hingga di bawah 60 peratus, kali pertama dalam tempoh 10 tahun.

Situasi itu mencetuskan kemungkinan, catuan bekalan terpaksa dibuat kepada 1.9 juta akaun pengguna Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya dan Negeri Sembilan, sekiranya tiada hujan dalam tempoh 16 hari lagi.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata di Lembah Klang, Empangan Sungai Selangor berbaki 57.63 peratus, manakala Empangan Klang Gate merosot kepada 58 peratus.

Situasi membimbangkan

“Di Negeri Sembilan, Empangan Kelinchi merosot kepada 58.6 peratus. Jika tiada hujan dalam tempoh 16 hari ini, paras empangan akan berkurangan sehingga 45 peratus.

“Ini adalah kali pertama dalam tempoh 10 tahun, paras empa-

Catu bekalan jika tak hujan

» Paras air tiga empangan di Lembah Klang, Negeri Sembilan merosot



Kelihatan paras air susut kepada 57.63 peratus di Empangan Sungai Selangor Kuala Kubu akibat cuaca kering.

[FOTO YAZIT RAZALI/ BH]

ngan berada dalam situasi sangat 'kering' dan ia sangat membimbangkan," katanya ketika melawat empangan Sungai Selangor, di sini, semalam.

Turut serta dalam lawatan itu Pengarah Lembaga Urusan Air Selangor (LUAS), Md Khairi Selamat dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Teo Yen Hua.

Mahdzir berkata, Kerajaan Persekutuan akan berbincang dengan kerajaan negeri terbabit mengenai kaedah terbaik penyelesaian krisis ini.

"Pembenihan awan akan dilakukan di empangan kritikal, namun pergantungan terhadap kaedah ini tidak dapat memberi jaminan 100 peratus kerana berkemungkinan hujan berlaku di

luar kawasan sasaran.

"Sekiranya paras air simpanan jatuh pada paras kritikal, pelepasan air daripada empangan terpaksa dikurangkan dan catuan air akan dibuat terhadap 1.9 juta akaun pengguna di kawasan berkenaan.

"Bagaimanapun kami tidak mahu perkara itu berlaku, justeru kerjasama orang ramai untuk menggunakan air dengan berhemah dan elakkan pembaziran," katanya.

Pegawai dan kakitangan SAINS serta wakil daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan mengadakan solat hajat memohon hujan di Empangan Sungai Terip, Seremban.



Beberapa kawasan mula terjejas

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan bekalan air dari Loji Rawatan Air Sungai Langat, tidak dapat menampung permintaan yang meningkat mendadak.

Kawasan terjejas Angsana Hilir, Taman Pertama, Taman Bukit Pandan, Kampung Pandan Luar, Kampung Pandan Dalam, Taman Koperasi Polis, Taman Desa Baiduri, Bandar Damai Perdana, Taman Damai Perdana, Taman Desa Cahaya, Taman Sri Bahagia, Taman Bukit Anggerik, Taman SPPK Bukit Cheras dan Taman Orkid Desa.

Turut terjejas

Taman Segar, Taman Billion, Taman Supreme, Taman Cheras Utama, Cheras Hartamas, Taman Bukit Segar Jaya, Bandar Baru Segar Utama, Taman Damai Indah, Taman Minang Ria, Taman Bukit Angsana, Taman Suria Jaya, Taman Len Seng, Taman Desa Cheras dan Taman Alam Damai.

Jalan Segambir, Jalan Belimbing, Jalan Setiabistari, Jalan Setiamurni 1-12, Jalan Setiabudi, Jalan Setiarasa, Jalan Setiaraya, Jalan Setiajaya, Jalan Medan Setia, Jalan Setiabakti, Jalan Setiakasih, Plaza Damansara dan Taman Seri Beringin.

Langat 2 mampu jadi penyelamat

Isu kekurangan bekalan air untuk Lembah Klang, mungkin tidak berlaku, seandainya projek Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) dilaksanakan lebih awal.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata ada keperluan menyebabkan kerajaan mengambil keputusan, perlunya Langat 2 disegerakan bagi menampung masalah kekurangan air.

Beliau berkata, Langat 2 menjamin penyelesaian jangka masa panjang, khususnya apabila negara berdepan kekurangan bekalan air serta kemarau berpanjangan.

Langat 2 jamin penyelesaian

"Kita sendiri sudah lihat Empangan Sungai Selangor yang hampir kering dan menghampiri paras kritikal.

"Ia menunjukkan betapa perlunya Langat 2 ini, untuk memastikan bekalan air berterusan kepada penduduk di Lembah Klang merangkumi Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya," katanya kepada BH.

Berdasarkan unjuran bekalan dan permintaan semasa di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, defisit rizab (tiada lebihan simpanan) air dijangka bermula seawal 2013 dan mula meruncing pada

2014 sebelum kemuncak krisis pada 2015 dan 2016.

Bagi mengelakkan masalah dalam masa terdekat, program mitigasi termasuk naik taraf loji sedia ada serta mengurangkan pembaziran air dijalankan tetapi langkah itu dijangka hanya dapat menanggukkan krisis bekalan air yang teruk sehingga akhir 2016.

Modal tambahan RM600 juta

Oleh kerana pembinaan loji rawatan memerlukan empat tahun untuk disiapkan dan memulakan operasi, Langat 2 cuba dimulakan secepat supaya dapat disiapkan


selewat-lewatnya 2016 iaitu sebelum krisis air dijangka paling teruk.

Pada 8 Ogos 2012, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dilaporkan berkata penangguhan pembinaan Langat 2 dan sistem agihan air yang sepatutnya dimulakan 2010, menyebabkan penambahan kapasiti air terawat bagi menampung kekurangan air pada 2014 tidak dapat dipenuhi.

"Berikutan itu, Kerajaan Persekutuan terpaksa mengeluarkan belanja tambahan sebanyak RM600 juta untuk melaksanakan projek mitigasi yang telah mengakibatkan pembaziran wang rakyat," katanya.

“
Fenomena cuaca
kering yang
dialami ketika
ini disifatkan
situasi biasa
yang berlaku
setiap Januari
dan Februari,
namun ia tidak
diklasifikasikan
sebagai kemarau”

**Muhammad Helmi
Abdullah,**
Pengarah Pusat
Cuaca Nasional
Jabatan Meteorologi



Empangan
yang
mengalami
kemerosotan
paras
air kritikal

Empangan Sungai Selangor, Kuala Kubu Bharu

- ⊙ **Meliputi** kawasan seluas kira-kira 600 hektar
- ⊙ **Mampu** menyimpan kira-kira 235 juta meter padu air
- ⊙ **Paras** baki air simpanan sebanyak 57.63 peratus
- ⊙ **Paras** kawalan semasa 45 peratus

Empangan Klang Gate,
Maha Klang

BH 14/2/14 MS 15

Fenomena cuaca kering situasi biasa


Kuala Lumpur: Cuaca di seluruh negara diramalkan kering dan panas sehingga pertengahan Mac ini berikutan monsun Timur Laut.

Namun, Pengarah Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah, berkata Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Johor, Pahang dan Terengganu dijangka mengalami hujan dalam tempoh tujuh hari akan datang dalam jumlah yang sedikit.

Katanya, fenomena cuaca kering yang dialami ketika ini disifatkan situasi biasa yang berlaku setiap Januari dan Februari, namun ia tidak diklasifikasikan sebagai kemarau oleh jabatan itu.

“Secara purata, jumlah hujan ketika ini hanya sekitar 50 milimeter, berbanding kebiasaan 100 hingga 300 milimeter sehari.

Tidak menentu



Mahdzir menunjukkan paras biasa air dan paras air terkini di Empangan Klang Gate yang mengalami kekeringan teruk akibat daripada cuaca panas dan kering menyebabkan masalah bekalan air berlaku di Lembah Klang.
[FOTO AZMAIDI ABIDIN/ BH]

Hulu Klang

- ⊙ Kawasan tadahan selepas 77.16 kilometer persegi
- ⊙ Kawasan tadahan 2.7 kilometer persegi
- ⊙ Kawasan tadahan merangkumi kawasan seluas 77.16 kilometer persegi
- ⊙ Paras baki air simpanan 58 peratus

Empangan Kelinchi, Negeri Sembilan

- ⊙ Paras baki air simpanan 58.6 peratus
- ⊙ Paras normal 210 meter
- ⊙ Paras kini 199.7 meter
- ⊙ Keluasan empangan 1.9 kilometer persegi
- ⊙ Isipadu empangan jika penuh: 58 juta liter
- ⊙ Isipadu kini: 33.2 juta liter

“Kadar hujan yang rendah itu menyebabkan ia belum mampu meningkatkan paras air di empangan, selain kemungkinan taburan hujan yang dialami di luar kawasan tadahan,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Muhammad Helmi berkata, sepanjang bulan ini, semua daerah di Perlis dan Kedah dijangka hanya menerima hujan antara lima hingga enam hari saja.

Katanya, walaupun Kuala Lumpur dijangka menerima hujan selama 15 hari sepanjang bulan ini, namun setakat ini baru dua hari menerima hujan yang sedikit.

“Keadaan hujan yang dialami ketika ini bukan berterusan, sebaliknya bersifat tidak menentu,” katanya.

Mengulas paras kritikal air beberapa empangan, beliau berkata, keadaan suhu ketika ini tidak mempunyai pengaruh besar yang mampu membawa perubahan drastik khususnya penyusutan paras air.

“Hanya taburan hujan yang kurang, menyebabkan paras air empangan menyusut. Secara purata, suhu maksimum tahun lalu adalah 35 darjah Celsius, dibanding tahun ini hanya meningkat satu darjah kepada 36 darjah Celsius saja,” katanya.

INFO

Paras air Empangan Sungai Selangor

